

13 MAY 1997

SAYA TETAP IKUTI SIDANG DEWAN NEGARA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau tetap mengikuti persidangan Dewan Negara walaupun beliau tidak berada dalam dewan.

Katanya walaupun tubuh badannya tiada dalam dewan, tetapi daripada segi semangat, beliau ada.

"Jangan Yang Berhormat fikir apa-apa soalan yang dikemukakan dan jawapan yang diberi dan tingkah laku YB tidak sampai ke pengetahuan saya," katanya sambil disambut gelak ketawa sebagai reaksi beliau kepada satu kenyataan oleh Senator Yim Chee Chong.

Sebelum mengemukakan soalan kepada Perdana Menteri mengenai rasuah semasa sesi soal jawab, Yim mengambil kesempatan mengucapkan rasa gembiranya dengan kehadiran Perdana Menteri.

"Saya berharap mudah-mudahan Yang Amat Berhormat akan sentiasa bersama kita di Dewan Negara ini untuk memberi galakan kepada kita berkhidmat untuk rakyat dan negara," kata Yim.

Dr Mahathir kemudian berkata : "Saya harap jangan pandang dari segi tubuh badan tetapi pandanglah dari segi semangat." --BERNAMA

NZ MAI